



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : APLIKASI KOMPUTER UNTUK
HARTA TANAH

KOD MATA PELAJARAN : BPE 3372

KURSUS : 3 BPD

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006


JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : JAWAB **EMPAT (4)** SOALAN
SAHAJA DARIPADA LIMA (5)
SOALAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 MUKA SURAT

S1 Rajah 1 menunjukkan sistem maklumat bersepadu yang dapat digunakan dalam industri harta tanah. Ia terdiri daripada beberapa jenis sistem maklumat yang seringkali digunakan dalam membuat keputusan, membantu urusan seharian dan membuat laporan.

- (a) Huraikan setiap jenis sistem maklumat tersebut. (10 markah)
- (b) Bagaimanakah sistem tersebut dapat membantu industri harta tanah? (15 markah)



Rajah 1 : Sistem Maklumat Bersepadu Dalam Industri Harta Tanah

S2 Jadual 1 menunjukkan data harta tanah jenis hotel mengikut jenis bilik di Malaysia pada tahun 2003. Dengan menggunakan SPSS, pelbagai analisis dapat dilaksanakan mengikut objektif kajian. Namun, sebelum analisis dibuat, anda perlu memasukkan data tersebut dalam *variable view* dan *data view*.

- (a) Berpandukan dengan data dalam Jadual 1, susun data tersebut mengikut format *variable view* dan *data view*.
(15 markah)
- (b) Berdasarkan Jadual 1, hasilkan satu analisis ringkas dalam konteks penawaran dan permintaan harta tanah jenis hotel di Malaysia.
(10 markah)

Jadual 1 : Bilangan Bilik Hotel di Malaysia 2003

Negeri	Stok Sedia Ada (Existing Stock)			Siap (Completion)			Penawaran Masa Hadapan (Incoming Supply)		
	2002	2003	Perubahan (%)	2002	2003	Perubahan (%)	2002	2003	Perubahan (%)
KL	25198	25463	1.1	657	0	-100.00	7876	7876	ND
Selangor	11480	11499	0.2	0	0	ND	2735	2735	0.0
Johor	12910	12621	-2.2	108	177	63.9	3303	3126	-5.4
Pulau Pinang	11817	11950	1.1	0	0	ND	471	471	0.0
Negeri Sembilan	3399	3582	5.4	0	164	ND	389	299	-23.1
Perak	6849	6849	0.0	47	0	-100.0	0	98	ND
Melaka	5922	5922	0.0	24	0	-100.0	189	293	55.0
Kedah	9060	9220	1.8	0	162	ND	263	263	0.0
Pahang	17997	18128	0.7	1197	114	-90.5	2305	2191	-4.9
Terengganu	6122	6240	1.9	78	118	51.3	877	759	-13.5
Kelantan	2874	2819	-1.9	0	0	ND	44	79	79.5
Perlis	405	406	0.2	30	0	-100.0	0	100	ND
Sabah	10080	10080	0.0	0	0	ND	292	292	0.0
Labuan	1220	1225	0.4	0	0	ND	0	0	ND
Sarawak	11196	11250	0.5	68	0	-100.0	66	66	0.0
Malaysia	13652 9	137254	0.5	209	735	-66.7	18810	18648	-0.9

Sumber : Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, 2003.

- S3 *Computer Aided Mass Appraisal* (CAMA) ialah merupakan satu kaedah sistematik penilaian harta tanah yang menggunakan satu prosedur piawai *standard* melalui pengujian statistik. Model penilaian yang dibangunkan mewakili permintaan dan penawaran corak harta tanah yang hendak dinilai.
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan istilah *outliers* di dalam model CAMA?
(5 markah)
- (b) Nyatakan faktor-faktor yang menentukan ketepatan suatu model penilaian yang dibangunkan dalam CAMA tersebut.
(10 markah)
- (b) CAMA terdiri daripada beberapa komponen yang berfungsi untuk memberikan hasil analisis *mass appraisal*. Nyatakan komponen-komponen tersebut beserta huraian.
(10 markah)
- S4 Sistem Maklumat Geografi atau *Geographical Information System* (GIS) ialah sistem komputer yang membolehkan data diterjemah kepada peta muka bumi. Ia juga satu sistem yang mengumpul, menyimpan, mencapai, menukar dan mempamerkan data *spatial* kepada bentuk nyata untuk tujuan tertentu. Dalam industri harta tanah, ia digunakan secara meluas untuk tujuan penilaian dalam CAMA, pembangunan harta tanah, pengurusan fasiliti, pengurusan harta tanah dan agensi harta tanah.
- (a) Senaraikan sepuluh disiplin yang menggunakan aplikasi GIS.
(5 markah)
- (b) Pembangunan GIS telah mengalami beberapa peringkat sebelum ia digunakan secara meluas. Terangkan peringkat-peringkat pembangunan tersebut.
(10 markah)
- (c) Dalam menggunakan aplikasi GIS, terdapat beberapa langkah yang perlu dilaksanakan untuk memastikan aplikasi ini berjaya. Lakar kerangka kerja (framework) pelaksanaan GIS beserta huraian ringkas.
(10 markah)

S5 Perisian Archibus/TIFM boleh digunakan untuk mengurus fasiliti sesebuah organisasi. Jadual 2 menunjukkan contoh data yang telah dimasukkan dalam perisian Archibus/TIFM untuk mengurus fasiliti sebuah makmal menggunakan modul *furniture and equipment management*.

(a) Huraikan secara ringkas ciri-ciri yang terdapat pada modul *Archibus/FM Furniture and Equipment Management*.

(10 markah)

(b) Jadual 2 menunjukkan pangkalan data pengurusan ruang makmal harta tanah dengan menggunakan modul *table-furniture and equipment management*. Modul ini juga dapat menggambarkan pengurusan ruang tersebut dalam bentuk lukisan AutoCAD. Berpandukan Jadual 2, lakar rajah berbentuk AutoCAD (tidak berskala) bagi menggambarkan pengurusan ruang makmal untuk perabot dan peralatan.

(15 markah)

Jadual 2 : Pangkalan Data Pengurusan Perabot dan Peralatan Makmal Harta Tanah

Furniture Code	Furniture Standard	Building Code	Floor Code	Room Code	Division Code	Dept. Code	Furniture Condition	Furniture Status
01-a	COMPUTER TABLE	FPT	F1	B-103-01	RE	JBHT	good	In use
02	CHAIR	FPT	F1	B103	RE	JBHT	good	In use
01-b	COMPUTER TABLE	FPT	F1	K.MAKMAL	RE	JBHT	good	In use
02	CHAIR	FPT	F1	K.MAKMAL	RE	JBHT	good	In use
03	TABLE	FPT	F1	K.MAKMAL	RE	JBHT	good	In use
04-a	CUPBOARD	FPT	F1	MAKMAL	RE	JBHT	good	In use
04-b	CUPBOARD	FPT	F1	MAKMAL	RE	JBHT	good	In use